

Headline	Pengkhususan dua pusat pemeriksaan Puspakom diubah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	36	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	127 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,857
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,572



Pengkhususan dua pusat pemeriksaan Puspakom diubah

SHAHALAM - Dua pusat pemeriksaan Puspakom di Batu Caves dan Taman Bukit Maluri akan mengalami perubahan pengkhususan perkhidmatan bermula 23 Mei nanti.

Ketua Pegawai Eksekutif Puspakom, Mohammed Shukor Ismail berkata, Pusat Pemeriksaan

Puspakom Batu Caves akan dikhususkan untuk pemeriksaan kenderaan persendirian, manakala Pusat Pemeriksaan Puspakom Taman Bukit Maluri untuk pemeriksaan teksi dan kenderaan perdagangan ringan.

Beliau berkata, perubahan tersebut bertujuan melancarkan operasi di pusat pemeriksaan tersebut.

"Ia dapat beri keselesaan khususnya pemilik kenderaan persendirian, pengusaha kereta terpakai, teksi, kenderaan perdagangan ringan dan komuniti sekeliling kerana me-



MOHAMMED SHUKOR

ngurangkan masa menunggu.

"Pusat Pemeriksaan Puspakom Batu Caves akan tambah dua lorong pemeriksaan menjadikannya kepada lima lorong untuk kenderaan persendirian yang akan meningkatkan kapasiti 67 peratus," katanya.

Menurutnya, Pusat Pemeriksaan Puspakom Taman Bukit Maluri pula akan dibahagikan kepada dua bahagian dan setiap bahagian mempunyai empat lorong.

"Salah satu bahagian akan dikhususkan untuk pemeriksaan teksi, manakala satu bahagian lagi akan dikhususkan untuk pemeriksaan kenderaan ringan," katanya.

Beliau berkata, cawangan lain yang terletak di sekitar Lembah Klang masih menyediakan perkhidmatan pemeriksaan seperti sedia kala.